



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 8 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	REVOLUSI PERTANIAN MELALUI TEKNOLOGI DRON, ONLINE, SINAR HARIAN	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	POLIS BANTU KAWAL KARTEL DAGING, MAHKAHMAM & JENAYAH, SINAR HARIAN -21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQS)
3.	KAJI SEMULA KADAR PEMOTONGAN PERMUTUAN PADI, ONLINE, HARIAN METRO	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	PERHABIS RM200,000 DEK MINAT LEMBU BAKA, LOKAL, HARIAN METRO -7 PEKEBUN KECIL RISDA, LIGS TERIMA BANTUAN MUSIM TENGGUJUH, JAGA SUNGAI KITA, BERITA HARIAN -21 UTAMA KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT, NEGARA, KOSMO -5 UTAMA KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT, DALAM NEGERI, UTUSAM MALAYSIA -7 RM201 JUTA BMT UNTUK PEKEBUN KECIL, NASIONAL, SINAR HARIAN -11 KE ARAH SEKTOR PERTANIAN PINTAR, NEGARA, KOSMO -7 BELA IKAN KELAH DALAM GUA BATU, AGRO GAYA, UTUSAN MALAYSIA -24&25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

REVOLUSI PERTANIAN MELALUI TEKNOLOGI DRON



MENGASINGKAN antara kepakaran teknologi terkini dengan alam sekitar adalah tindakan yang cukup merugikan. Mungkin ramai yang tidak terfikir cara bagaimana 'besi' boleh diasimilasikan dengan flora dan fauna sekeliling kita.

Tapi inilah yang cuba diketengahkan dalam Revolusi Industri 4.0 atau lebih terkenal dengan istilah IR4.0 dalam dan luar negara. Peredaran revolusi dalam ketamadunan manusia telah mengajar kita banyak perkara pelik dan dianggap mustahil menjadi sebuah norma baharu untuk kehidupan yang lebih bermutu tinggi. Contoh yang mudah difahami rakyat kebanyakan adalah mengenai penggunaan teknologi dron dalam bidang pertanian. Ia sebenarnya makin mendapat tempat di hati para petani di negara

kita ini. Hasrat pihak kerajaan sekarang adalah melahirkan para petani moden yang tidak lagi menggunakan cangkuk, kerbau dan lain-lain amalan tradisional, sebaliknya negara kita ingin melahirkan golongan petani moden yang lebih efektif.

Petani moden yang dimaksudkan adalah perkaitan antara tenaga kerja petani dengan penggunaan teknologi terkini seperti dron. Ia bertujuan untuk memastikan kualiti dan kuantiti hasil tuai akan berlipat kali ganda berbanding ketika menggunakan kaedah lama. Istilah petani moden dengan menjadikan alat-alat teknologi seperti dron ini bukan sahaja terhad kepada petani, malah ia juga melibatkan nelayan, penternak dan usahawan tani.

Misalnya, dron digunakan untuk menyiram tanaman, menabur anak benih, menyebarkan racun serangga, mengukur kapasiti kawasan, menganalisis keadaan air di lautan, memantau keadaan cuaca di persisir pantai dan bermacam lagi kepelbagaian penggunaannya. Dalam hal ini, bukan sahaja Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memandang serius transformasi ini, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi juga pernah menyatakan kerajaan sentiasa berusaha memperluaskan inovasi dan penggunaan teknologi baharu bagi memperkasa serta meningkatkan produktiviti sektor pertanian, sekali gus meningkatkan pendapatan dan ekonomi negara.

Bukan itu sahaja, dunia juga berhadapan dengan krisis menghasilkan makanan yang cukup bagi menjamin kelangsungan hidup manusia yang berkualiti. Permintaan peringkat global ini dijangka tumbuh hampir 50 peratus dalam tempoh 40 tahun akan datang. Apatah lagi perubahan iklim global yang semakin ekstrem, dan jumlah penduduk global juga makin bertambah dari hari ke hari. Senario ini akan memberi impak besar kepada sektor pertanian di mana-mana negara sekali pun. Justeru, pada ketika inilah teknologi dron dapat memodenkan industri pertanian supaya memenuhi permintaan masa depan, dan menyelesaikan krisis makanan untuk kehidupan manusia.

Dron membantu petani sebelum musim penanaman bermula menganalisis keadaan ladang. Teknologi ini berupaya memetakan keadaan ladang dalam bentuk imej tiga dimensi (3D) dan memberi gambaran berimej mengenai kawasan bermasalah. Hasil daripada data yang diperolehi, seseorang petani itu mampu menggunakannya bagi menentukan pola penanaman benih secara maksimum, juga bagi mereka yang menjadi nelayan dan penternak. Penggunaan dron juga diakui dapat mengesan tanaman dijangkiti penyakit 10 hari lebih awal sebelum dapat dilihat dengan mata kasar menggunakan kamera inframerah. Kamera yang ada pada dron itu mampu membuatkan para petani melihat kehadiran atau ketiadaan kulat dan bakteria dalam tumbuhan lebih awal berbanding kaedah lama.

Jika para petani kita masih mengekalkan cara lama, sudah tentu para petani akan mengalami pelbagai kerugian berganda kerana mengetahui sebarang jangkitan pada tanaman di saat-saat akhir. Ini berisiko tinggi berjangkit ke tanaman lain. Tidak mampu nafikan, penggunaan dron dalam sektor pertanian bukan sahaja dapat mengeluarkan hasil tanaman lebih baik, malah dapat menjimatkan masa dan tenaga para petani. Ini sekali gus memberi peluang pekerjaan kepada golongan muda untuk menceburi bidang pertanian moden.

Kesimpulannya, penggunaan teknologi dron dalam sektor pertanian bukan sahaja sekadar mengikut 'trend' revolusi, sebaliknya ia lebih kepada kewujudan minat dalam kalangan orang muda, meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil pertanian. Mungkin sebelum ini ramai golongan anak muda tidak gemar menceburi bidang pertanian kerana kotor dan tidak kemas, tetapi dengan pengembelangan teknologi dron dan pertanian, tidak mustahil ia mampu menarik minat mereka yang berusia muda.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	21

Polis bantu kawal gudang kartel daging

Sebagai langkah keselamatan terhadap penguat kuasa di lokasi

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

JOHOR BAHRU



AYOB KHAN



Polis menyediakan bantuan keanggotaan bagi membantu penugasan di sebuah gudang kartel sejuk beku di Senai di sini.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, bantuan itu sebagai langkah keselamatan terhadap penguat kuasa yang menjalankan siasatan di lokasi terbabit.

“Bantuan ini juga penting bagi memastikan keselamatan di kilang selain mahu memastikan barang kes tidak diganggu atau dilarikan pihak tertentu.

“Polis akan memberi kerjasama penuh sepanjang operasi terbabit,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Susulan pendedahan *Sinar Harian* pada Selasa lalu, sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Jabatan Kastam Diraja Malaysia Johor, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) menyerbu gudang terbabit pada jam 10.30 pagi.

Laporan *Sinar Harian* pada 2 Disember lalu mengenai gudang kartel seludup daging sejuk beku yang digempur pihak berkuasa di Senai, Johor.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata, pihaknya sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa terbabit dalam operasi di gudang berkenaan.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan, pihak berkuasa mendedahkan kegiatan penyeludupan masuk yang dilakukan sindiket terbabit dipercayai akan menggunakan dokumen palsu termasuk borang kastam, permit import, sijil halal atau pun resit bayaran.

Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, sindiket turut mengimport daging dari sumber yang sah sebelum dibawa ke gudang terbabit dan akan diletakkan di satu bahagian khas untuk disimpan.

Pemeriksaan lanjut juga mendapati daging yang dicurigai itu kemudian akan dibuat pembungkusan semula di dalam sebuah bilik yang dilengkapi mesin pemotong.

Siasatan mendapati cop logo berkenaan ditempah dari sebuah premis printing di Ulu Tiram dekat sini.

Malah, Maqis juga mengesan pembuatan pekat yang dihasilkan sendiri di gudang berkenaan.

Daging ‘halal’ yang selesai dibungkus semula kemudian akan diletakkan di peti simpanan bersuhu sejuk yang lebih besar.

Malah, ia juga dicampur dengan susunan daging lain yang memiliki sijil halal yang sah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

KAJI SEMULA KADAR PEMOTONGAN PEMUTUAN PADI



Sungai Besar: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan digesa mengkaji semula peningkatan pemotongan pemutuan padi yang dilihat membebankan pesawah dan pengusaha pukal padi di IADA Barat Laut Selangor.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Panjang, Datuk Mohd Imran Tamrin berkata, pemotongan sebelum ini hanya sekitar 20 peratus atau lebih rendah lagi sebelum ia naik kepada 26 hingga 30 peratus, baru-baru ini.

"Ada beberapa perkara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu mengambil perhatian sewajarnya seperti mengembalikan semula pemotongan pemutuan padi di semua kilang di bawah 20 peratus dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan bagi memastikan pesawah mengekalkan pendapatan mereka.

"Sekiranya pemotongan melebihi 25 peratus, sudah pasti hasil akan berkurangan dan tiada ertinya subsidi kepada pesawah," katanya selepas melakukan lawatan ke kilang pemprosesan padi Hayatmaju Sdn Bhd di Jalan Parit 13, Sungai Panjang, di sini, hari ini.

Mohd Imran berkata, pihaknya bimbang berlaku lambakan padi sekiranya pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengambil padi dari luar ketika musim menuai.

"Kita tahu negeri ini khususnya IADA Barat Laut Selangor tidak cukup bekalan padi selain dimaklumkan ia tidak boleh dijual keluar.

"Kita kuarir cara (ambil padi dari luar) ini akan menyebabkan berlakunya lambakan padi. Kita harap perkara ini dikaji semula," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Imran turut meminta kerajaan mengembalikan semula insentif sementara menunggu musim menuai kepada pesawah.

"Masa kerajaan terdahulu, kita ada beri bayaran sebanyak RM300 sebulan kepada pesawah ketika menunggu musim menuai.

"Harap kerajaan mengambil perhatian sepenuhnya terhadap kebajikan dan keperluan pesawah," katanya.

8/12/2020

HARIAN METRO

LOKAL

7

Marang: "Bila sudah minat, duit bukan masalah dan tidak kisah jika orang menganggap kami gila kerana membeli lembu baka dengan harga puluhan ribu ringgit," kata Nor Faizi Matmat.

Faizi, 24, bersama dua abangnya, Mohd Nazri, 31, dan Afandi, 29, dari Kampung Bukit Parit di sini, menghabiskan lebih RM200,000 membeli lembu baka pelbagai jenis termasuk *Limosin*, *Charolais Blonde* dan *Belgian Blue* sejak 2014.

Tiga beradik itu tular di media sosial selepas membeli seekor lembu betina baka *Charolais Blonde* bersama seekor anak berusia empat bulan di Kelantan dengan harga RM50,000 April lalu.

Menurutnya, dia bersama dua abangnya terbabit dalam bidang penternakan itu kerana minat.

"Kami bermula kerana minat dan hanya suka-suka sahaja, tetapi tidak sangka bidang penternakan itu memberi pulangan lumayan.

"Pada mulanya hanya

NOR Faizi (kiri) dan Mohd Nazri bersama lembu baka *Charolais Blonde* yang dibeli dengan harga RM50,000.



Perhabis RM200,000 dek minat lembu baka

40

Lembu baka sudah dijual sejak 2016

Mohd Nazri dan Afandi menjalankan bidang penternakan itu sebelum saya menyertai mereka kerana tiada pekerjaan.

"Kami sepakat mengum-

Menurutnya, dia tidak bimbang membeli lembu pada harga mahal kerana permintaan terbadap ternakan itu sentiasa tinggi.

"Anak lembu betina berusia beberapa bulan sudah ditempah, malah ada yang menawarkan harga sehingga RM25,000 seekor.

"Sebab itu kami tidak peduli apabila segelintir penduduk menyindir dan menertawakan kami kerana membeli lembu dengan harga mahal kerana yakin potensi bidang penternakan

itu," katanya yang mempunyai 20 ekor lembu ketika ini.

Mohd Nazri berkata, dia mengurus semua lembu baka itu seawal jam 8 pagi hingga 11 pagi dan jam 4.30 petang hingga 6.30 petang pada setiap hari.

"Kos makanan semua lembu ialah RM3,000 sebulan selain pemberian makanan alternatif lain seperti rumput *napier*.

Menurutnya, dia berterima kasih kepada semua pihak yang membimbing dan membantunya dalam menjalankan kegiatan penternakan itu.



Mohd Nazri bersama lembu baka Limosin.

Biasanya lembu betina lebih mahal berbanding lembu jantan.

"Harga setiap lembu mengikut harga pasaran, tetapi fleksibel bergantung kepada jenis baka iaitu RM15,000 ke atas.

"Paling mahal dan terbaru kami menjual lembu baka *Charolais* dengan harga RM35,000 seekor pada awal tahun lalu," katanya.

pul modal dan membeli beberapa lembu baka yang terbaik sebelum membikannya di tanah seluas 2.5 hektar peninggalan arwah bapa," katanya.

Menurutnya, dia bersama abangnya sudah menjual lebih 40 ekor lembu baka sejak 2016 sehingga sekarang.

"Lembu baka itu dijual mengikut jantina dan gred.

8/12/2020

BERITA
HARIANJAGA
SUNGAI KITA

21

Pekebun kecil RISDA, LIGS terima bantuan musim tengkujuh

Kuala Lumpur: Seramai 237,207 pekebun kecil Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan 61,763 pekebun kecil Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) menerima Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) membabitkan peruntukan RM201 juta.

Pengerusi RISDA, Datuk Mohd Salim Mohd Sharif, berkata kadar bantuan RM600 seorang itu dimasukkan ke akaun penerima yang berdaftar melalui dua peringkat iaitu RM300 mulai semalam dan baki pada Januari depan.

"Kerajaan memperuntukkan RM201 juta pada Belanjawan 2020 untuk BMT kepada pekebun kecil RISDA dan LIGS. Daripada 237,207 pekebun kecil RISDA, seramai 202,717 pekebun kecil atau kira-kira 85 peratus sudah menerima bantuan itu hari ini (semalam).

"Bagi baki 15 peratus lagi atau seramai 34,490 pekebun kecil, bantuan terbahagi akan disalurkan pada minggu depan.

"Pekebun kecil dan penoreh getah yang berdaftar dengan RISDA dan mengusahakan kebun getah

dengan jumlah keseluruhan milikan tanah tidak melebihi 2.5 hektar, layak menerima bantuan ini yang diberikan kepada satu lot penerima saja sama ada pekebun kecil atau penoreh," katanya pada sidang media selepas mengumumkan pengagihan bantuan terbahagi di Pusat Media Parlimen, semalam.

Mohd Salim yang juga Ahli Parlimen Jempol, berkata Sarawak adalah penerima paling ramai iaitu seramai 58,048 orang diikuti Kelantan (49,328) dan Kedah seramai 45,287 orang.

Katanya, bantuan terbahagi antara usaha dan keprihatinan kerajaan mengurangkan beban pekebun kecil yang menghadapi penurunan produktiviti akibat musim tengkujuh.

Justeru, beliau berkata, permohonan untuk mendapatkan bantuan terbahagi masih dibuka sehingga 31 Disember ini.

"BMT ini memberi manfaat kepada ribuan pekebun kecil dan penoreh getah dalam kumpulan isi rumah berpendapatan rendah yang sangat terkesan apabila me-



Kerajaan memperuntukkan RM201 juta dalam Belanjawan 2020 untuk BMT kepada pekebun kecil RISDA dan LIGS yang terus dikreditkan ke dalam akaun penerima. (Foto biasaan)



Mohd Salim Mohd Sharif,
Pengerusi RISDA

Bantuan terbahagi antara usaha dan keprihatinan kerajaan mengurangkan beban pekebun kecil yang menghadapi penurunan produktiviti akibat musim tengkujuh.

kecil yang terkesan, Mohd Salim berkata, pihaknya sentiasa komited membantu golongan berkenaan menerusi pelbagai aktiviti ekonomi tambahan.

Beliau berkata, peruntukan diumumkan ini adalah daripada Belanjawan 2020, malah dalam Belanjawan 2021, bantuan akan di-

teruskan, selain ada banyak lagi pekej membantu pekebun kecil ini seperti diperuntukkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAF).

"Namun, sudah pasti mereka tidak boleh hanya bergantung kepada menoreh getah saja dan kebanyakan golongan ini terbahagi dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) seperti perusahaan kepek serta mee, malah ada juga yang menghasilkan produk kosmetik dan mengusahakan spa.

"Menerusi aktiviti ekonomi tambahan itu, RISDA membantu menyalurkan bantuan seperti peruntukan RM20,000 bagi perolehan peralatan dan sebagainya. Peruntukan ini kepada mereka yang sudah mencaburi bidang perolehan terbahagi, bukan untuk yang baru nak berniaga," katanya.

Utama kesejahteraan hidup rakyat

Oleh SHAFIQAH SHUKOR

DALAM usaha memacu pembangunan negara, kerajaan tidak mengtepekkan nasib golongan peladang, petani dan nelayan kerana sedar keseimbangan ekonomi negara tidak akan tercapai sekiranya pembangunan tidak mengambil kira kebajikan golongan tersebut, terutamanya semasa dunia sedang dilanda virus.

Dalam Belanjawan 2021, kerajaan bermurah hati untuk memberi bantuan kepada golongan tersebut dengan meningkatkan Insentif Pengeluaran Getah daripada RM150 juta kepada RM300 juta.

Selain itu, subsidi harga padi juga diberikan sebanyak RM570 juta di samping subsidi dan Insentif tanaman padi sebanyak RM960 juta.

Insentif sara hidup nelayan juga meningkat daripada RM250 kepada RM300 sebulan, subsidi input pertanian (baja, benih, racun dan lain-lain) serta baja padi bukit yang telah dipotong dalam Belanjawan 2020, ditambah kembali sebanyak RM50 juta dan RM40 juta.

Bagi meningkatkan daya saing dan kualiti, program-program turut disediakan untuk melahirkan usahawan peladang yang mampu menguruskan



KERAJAAN telah meningkatkan Insentif pengeluaran getah kepada RM300 juta dalam Belanjawan 2021 untuk membantu pekebun kecil getah di seluruh negara. - GAMBAR HIASAN

ahli hampir satu juta petani dan peladang.

Peruntukan dana dan geran yang diberikan kerajaan juga pasti akan disambut dengan tangan terbuka terutamanya untuk Ladang E-sateelit yang sangat penting di saat pandemik Covid-19 masih menular ini.

Dana bagi pembelian peralatan berdasarkan teknologi internet atau maya juga mampu memacu pihak peladang dan petani ke arah yang lebih moden dan inovatif.

Timbalan Pengarah Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan Universiti Utara Malaysia, Prof. Madya Dr. Irwan Shah Zainal Abidin berkata, beliau melihat perkara ini sebagai satu manifestasi kepada kerajaan yang prihatin, sensitif dan juga responsif kepada apa yang diinginkan oleh rakyat.

"Matlamat utama adalah untuk mensejahterakan hidup rakyat terutamanya golongan yang rentan ataupun mudah terjejas dan terkesan teruk akibat pandemik Covid-19 ini.

"Nelayan, petani, dan peladang juga boleh dilihat sebagai kumpulan barisan hadapan yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dalam sektor yang begitu penting ketika pandemik ini, iaitu sektor pertanian," katanya.

aktiviti dengan cekap. Antaranya ialah Program Pembangunan Vesel Dan Mekanisma Tangkapan (RM150 juta), Ladang E-sateelit (RM10 juta), Pengembangan Program Akuakultur (RM10 juta), Modernisasi IR4.0 Agromakanan (RM60 juta), Kebun Komuniti (RM30 juta), Pertanian Organik (RM50 juta) dan Projek Pertanian dan Penternakan (RM100 juta). Melalui program tersebut, kerajaan percayanya akan memanfaatkan 300 PPK dengan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Utama kesejahteraan hidup rakyat

Oleh **SHAFIQAH SHUKOR**
shafiqahshukor@mediamulia.com.my

DALAM usaha memacu pembangunan negara, kerajaan tidak mengtepekikan nasib golongan peladang, petani dan nelayan kerana mereka sedar keseimbangan ekonomi negara tidak akan tercapai sekiranya pembangunan tidak mengambil kira kebajikan golongan tersebut, terutamanya semasa dunia sedang dilanda virus.

Dalam Belanjawan 2021, kerajaan bermurah hati untuk memberi bantuan kepada golongan tersebut dengan meningkatkan Insentif Pengeluaran Getah daripada RM150 juta kepada RM300 juta.

Selain itu, subsidi harga padi juga diberikan sebanyak RM570 juta di samping subsidi dan insentif tanaman padi sebanyak RM960 juta.

Insentif sara hidup relayan juga meningkat daripada RM250 kepada RM300 sebulan, subsidi input pertanian (baja, benih, racun dan lain-lain) serta baja padi bukit yang telah dipotong dalam belanjawan 2020, ditambah kembali sebanyak RM30 juta dan RM40 juta.



KERAJAAN telah meningkatkan insentif pengeluaran getah kepada RM300 juta dalam Belanjawan 2021 untuk membantu petani kecil di seluruh negara. - GAMBAR HIASAN

Bagi meningkatkan daya saing dan kualiti, program-program turut disediakan untuk melahirkan usahawan peladang yang mampu menguruskan aktiviti dengan cekap.

Antaranya ialah Program Pembangunan Vesel Dan

Mekanisma Tangkapan (RM150 juta), Ladang E-satelit (RM10 juta), Pengembangan Program Akuakultur (RM10 juta), Modernisasi IR4.0 Agromakanan (RM160 juta), Kebun Komuniti (RM130 juta), Pertanian Organik (RM150 juta) dan Projek Pertanian

dan Penternakan (RM100 juta). Melalui program tersebut, kerajaan percaya akan memanfaatkan 300 PPK dengan ahli hampir satu juta petani dan peladang.

Peruntukan dana dan geran yang diberikan kerajaan juga pasti

akan disambut dengan tangan terbuka terutamanya untuk Ladang E-satelit yang sangat penting di saat pandemik Covid-19 masih menular ini.

Dana bagi pembelian peralatan berdasarkan teknologi internet atau maya juga mampu memacu pihak peladang dan petani ke arah yang lebih moden dan inovatif.

Timbalan Pengarah Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan Universiti Utara Malaysia, Prof. Madya Dr. Inwan Shah Zainal Abidin berkata, beliau melihat perkara ini sebagai satu manifestasi kepada kerajaan yang prihatin, sensitif dan juga responsif kepada apa yang diinginkan oleh rakyat.

"Matlamat utama adalah untuk mensejahterakan hidup rakyat terutamanya golongan Yang rentan ataupun mudah terjejas dan terkesan teruk akibat pandemik COVID-19 ini.

"Nelayan, petani, dan peladang juga boleh dilihat sebagai kumpulan barisan hadapan yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dalam sektor yang begitu penting ketika pandemik ini, iaitu sektor pertanian," katanya.

RM201 juta BMT untuk pekebun kecil

Libatkan seramai 274,639 pekebun kecil RISDA dan 61,763 pekebun kecil LIGS

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM201 juta melalui Belanjaan 2020 untuk Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) kepada pekebun kecil di seluruh negara.

Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA), Datuk Mohd Salim Mohd Sharif berkata, penerima bantuan itu melibatkan seramai 274,639 pekebun kecil RISDA dan 61,763 pekebun kecil Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS).

Menurutnya, penyaluran

Mengulas lanjut, Mohd Salim berkata, daripada sebanyak 237,207 permohonan yang diterima setakat ini, RISDA telah membuat bayaran sebanyak 85 peratus atau 202,717 kepada pekebun kecil dan penoreh getah dengan nilai peruntukan RM121.6 juta.

Katanya, bagi baki permohonan membabitkan seramai 34,490 permohonan pula akan disalurkan minggu depan.

"Bagi pekebun kecil yang masih belum menerima atau dalam proses permohonan, RISDA masih membuka permohonan sehingga 31 Disember tahun ini," katanya.

Menurutnya, bilangan penerima terbanyak merupakan dari Sarawak iaitu seramai 58,048 orang diikuti Kelantan (49,328) dan Kedah (45,297).

Sementara itu, mengulas perkara sama, Mohd Salim yang juga Ahli Parlimen Jempol berkata, pekebun kecil dan penoreh getah yang berdaftar dengan RISDA dan mengusahakan kebun getah dengan

jumlah keseluruhan milikan tanah tidak melebihi 2.5 hektar layak menerima bantuan tersebut.

Katanya, bantuan itu diberikan kepada satu lot penerima sahaja sama ada pekebun kecil atau penoreh.

"Penyaluran BMT ini merupakan usaha dan keprihatinan kerajaan untuk mengurangkan beban pekebun kecil yang menghadapi penurunan produktiviti akibat musim tengkujuh.

"BMT juga memberi manfaat kepada ribuan pekebun kecil serta penoreh getah dalam kumpulan isi rumah berpendapatan rendah yang sangat terkesan apabila mereka kehilangan punca pendapatan pada musim tengkujuh dengan cuaca buruk berpanjangan," katanya.

Tambahnya, melalui Belanjaan 2021 juga, kerajaan yang prihatin dengan situasi pekebun kecil akan meneruskan BMT bermula pada Disember 2021.



Mohd Salim (kiri) pada sidang akhbar di Bangunan Parlimen semalam.

bantuan itu akan dilaksanakan oleh kedua-dua agensi terabit.

"Kadar bantuan adalah sebanyak RM600 seorang yang akan diakaunkan ke akaun penerima yang telah didaftarkan dalam dua peringkat.

"Dua peringkat itu adalah RM300 ke akaun pekebun kecil mulai 7 Disember 2020 lalu dan RM300 pada Januari 2021," katanya pada sidang akhbar Pengumuman Penyaluran BMT 2020 di Bangunan Parlimen di sini semalam.

Felda Mempaga, lima syarikat pemula dipilih menjadi perintis bagi projek NTIS-Felda

Ke arah sektor pertanian pintar

JULUNG-JULUNG kali inisiatif Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang diketuai Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) selaku ketua sekretariat NTIS dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) berjaya direalisasikan.

Usaha sama NTIS-Felda itu telah dimeterai dalam satu majlis maya di Kuala Lumpur yang telah dilaksanakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaludin Abu Bakar akhir bulan lalu.

Projek tersebut juga melibatkan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) sebagai rakan pembiayaan utama dan sekretariat yang lain terdiri daripada MIMOS Bhd. dan Technology Park Malaysia serta Futurise Sdn. Bhd.

Projek tersebut bertujuan meningkatkan pendapatan pemuliharaan Felda dengan cara menguruskan kos operasi perladangan dan meningkatkan hasil ladang.

Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC, Dzuleira Abu Bakar berkata, kerjasama ini bakal menyaksikan peningkatan purata pendapatan pemuliharaan kepada RM5,000 sebulan berbanding RM3,017 sebulan sebelum ini. Ia juga akan mewujudkan peluang ekonomi dan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk generasi baharu Felda.

"Sebagai contoh, anggaran



KHAIRY (tengah) pada majlis pemeteraian kerjasama antara NTIS, Felda di Kuala Lumpur baru-baru ini.

pendapatan pengendali dron ialah antara RM4,000 hingga RM7,000, manakala perijanaan pendapatan bagi penyelenggara dron, robot dan mesin pula adalah antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan," katanya dalam temu bual melalui e-mel di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut beliau, usaha sama ini juga bakal memacu pengembangan bakat untuk mencapai potensi menjadi negara berteknologi tinggi dan mempercepatkan proses kajian dan pembangunan serta pengkomersialan dengan

kerjasama pengawal selia.

Dzuleira menerangkan, NTIS-Felda bakal mencari jalan penyelesaian untuk tiga masalah utama yang dihadapi pemuliharaan dengan kelapa sawit iaitu penuaian, penyelenggaraan dan pembajaan.

"Teknologi terbaharu yang akan diperkenalkan dalam projek ini adalah penggunaan teknologi dron dan robotik yang mengguna pakai penyelesaian sistem lanjutan pintar, kecerdasan buatan, fertisasi pintar dan bahan lanjutan.

"Sebagai contoh, teknologi

berkaitan pengimbas, internet of things boleh membangunkan ladang pintar dengan kos rendah dan boleh meningkatkan hasil serta mengurangkan pekerja asing," jelasnya.

Mengulas lanjut, Dzuleira menerangkan, impak pelaksanaan projek NTIS tidak boleh dilihat dalam jangka masa pendek kerana pihaknya perlu menjalin hubungan baik dengan pemuliharaan tersebut kerana proses pemuliharaan dan perkembangan ekonomi memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

Bagi projek rintis Felda

Lima syarikat pemula yang terlibat dalam projek NTIS-Felda

- **Aerodyne** – teknologi dron dan sistem lanjutan pintar
- **BrainTree Technologies** – teknologi robotik, AI, sistem lanjutan pintar dan fertisasi pintar
- **OFO Tech** – teknologi dron dan sistem lanjutan pintar
- **Nanoezim** – pakar nanosains, nanoteknologi dan nanotoksikologi serta pakar penyakit kelapa sawit
- **Poladone** – teknologi dron, internet kebandan disokong kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin

Mempaga, lima syarikat pemula telah dipilih untuk menjalankan ujian teknanan pertama dalam tempoh enam hingga 12 bulan, manakala hasil penemuan daripada inisiatif tersebut akan diterapkan ke lebih banyak lokasi pertanian pada masa depan.

Susulan daripada usaha sama tersebut, MaGIC bakal memeterai persefahaman dengan sebuah agensi lagi dan syarikat global ke arah pembukaan sebuah lagi sandbox di Malaysia yang bakal memanfaatkan syarikat pemula teknologi dron.

Sebagai merealisasikan projek ulung ini, lima operator yang mempunyai teknologi membantu menyelesaikan masalah pemuliharaan Felda telah dipilih.

8/12/2020

UTUSAN
MALAYSIAGARA
AGRO

24



➤ KOS mengindahkan Gua Kambing di Gua Musang ini menelan belanja hampir RM100,000.

➤ LUMAYAN... Ikan kelah-petiharaan Mohd. Saiful Basri (kiri) kini mencecah berat lima hingga sembilan kilogram seekor.



Bela ikan kelah dalam gua bat



Oleh AIMUNI TUAN LAH
gayautusan@mediamula.com.my

SIAPA sangka sebuah kawasan gua batu kapur terbiar di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang, Kelantan menjadi tempat penternakan ikan kelah. Hasil kegigihan Mohd. Saiful Basri Mat Yaakob, 44, menternak ikan kelah yang terkenal dengan jolokan Raja Sungai itu berjaya menjana pendapatan lumayan dan menarik kunjungan orang ramai. Usaha penternakan ikan

kelah menuntut pengusahanya memberi komitmen tinggi dan penjagaan rapi kerana nilai komersialnya yang tinggi apabila harganya boleh mencecah ribuan ringgit seekor.

Mohd. Saiful Basri mula menternak ikan di gua batu kapur yang diberi nama Gua Kambing sejak 10 tahun lalu.

Menurutnya, ternakan ikan kelah di dalam gua batu kapur mempunyai pengaliran air yang baik dan jernih serta jarang dilakukan penternak lain.

Katanya, langkahnya memulakan penternakan seperti itu pada mulanya untuk memenuhi pasaran bagi spesies kelah yang semakin meningkat permintaannya.

"Sebelum menternak ikan dalam gua itu, saya melakukan kajian mengenai kesesuaian pengaliran air bersih dalam gua itu.

"Pada peringkat permulaan,

“

Pada peringkat permulaan, saya hanya melepaskan kira-kira 2,000 ikan kelah dan kini semakin membiak sehingga mencecah berat lima hingga sembilan kilogram seekor.”

**MOHD. SAIFUL BASRI
MAT YAAKOB**



1 u kapur

saya hanya melepaskan kira-kira 2,000 ikan kelah dan kini semakin membiak sehingga mencecah berat lima hingga sembilan kilogram seekor," katanya.

Cerita Mohd. Saiful Basri, proses mengindahkan kawasan Gua Kambing itu melibatkan kos hampir RM100,000.

Katanya, ketika ini terdapat 5,000 ekor ikan kelah di dalam dan kaki gua yang berada dalam kawasan tanah miliknya seluas 0.8 hektar.

"Sebenarnya usaha membina tempat pembiakan ikan kelah itu adalah sesuatu perkara yang mencabar.

"Sebelum memulakan ternakan ikan kelah di dalam gua itu, saya bersama rakan mengambil masa lima bulan membersihkan batu di dalam dan di sekitar gua berkenaan untuk memastikan ia bersih.

"Selain itu ia juga bagi

SEORANG pengunjung tidak melepaskan peluang mengambil gambar ikan kelah di kolam peliharaan Saiful Basri. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

mengelak ikan itu mudah mati jika pergerakannya tidak bebas apabila menyusur di celahan batu atau air berlumpur," katanya.

ORANG ASLI BEKAL ANAK IKAN

Mohd. Saiful Basri berkata, bagi menambahkan bilangan ikan kelah, dia turut membeli anak ikan daripada masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman daerah Gua Musang.

Katanya, dia turut menternak 4,000 ikan jenis lain termasuk tilapia dan patin kerana mendapat permintaan



MOHD. Saiful Basri Mat Yaakob memberi makan ikan kelah yang dipeliharanya di dalam Gua Kambing.

TIPS PENJAGAAN IKAN KELAH

- » Wujudkan persekitaran semula jadi kelah. Ikan kelah suka persekitaran kolam seperti habitat asalnya.
- » Ikan kelah gemar persekitaran berbatu dengan aliran air yang laju seperti air terjun atau jeram.
- » Ikan kelah suka memakan rumput, buah-buahan kecil dan tumbuhan dalam air.
- » Air dalam kolam harus sentiasa bersih dah jernih.
- » Pallet adalah makanan terbaik dan ikan kelah juga boleh diberi makanan sampingan lain seperti buah sawit.

tinggi daripada pembeli tempatan serta luar daerah ini.

"Saya gembira apabila ikan kelah yang ditenak sejak Japan tahun lalu telah mencapai berat antara lima hingga sembilan kilogram seekor.

"Walaupun ada permintaan harga yang tinggi terhadap ikan kelah tetapi saya tidak sanggup menjual semuanya kerana ingin menjadikannya sebagai tarikan pengunjung ke kawasan ini," katanya.

Tambahnya, ikan kelah adalah spesies ikan sungai yang kini menjadi buruan pemikat bukan sahaja untuk menikmati keenakan isinya tetapi untuk dipelihara dalam akuarium di rumah.

Katanya, ramai berminat untuk melihat ikan kelah saiz besar kerana mereka suka memenuinya sejak kebelakangan ini termasuklah di kawasan sungai.



KREATIF... Usaha yang dilakukan sejak 10 tahun lalu makin menjadi apabila ikan kelah peliharaan Saiful Basri di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang semakin membiak.